

16/01/1997

KL setuju cadangan sidang Jepun, Asean

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia pada prinsipnya bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto untuk mengadakan sidang kemuncak tahunan antara Jepun dan Asean tetapi struktur dan kekerapan persidangan itu harus dipertimbangkan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata prinsip untuk mengadakan dialog antara Asean dan Jepun boleh diterima malah telahpun berjalan pada peringkat menteri luar melalui proses Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri sejak tiga tahun lepas.

Abdullah berkata Hashimoto telah mengemukakan cadangan sama ada sidang kemuncak itu diadakan secara rasmi atau tidak rasmi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa perbincangan mereka pada 8 Januari lalu ketika lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri Jepun itu ke sini minggu lalu.

"Dr Mahathir berkata kita boleh pertimbangkan (cadangan itu)," kata beliau selepas merasmikan Pameran Permaidani Parsi di sini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Hashimoto dalam ucapan dasarnya di Singapura semalam bahawa lima daripada tujuh negara anggota Asean termasuk Malaysia bersetuju pada asasnya dengan cadangan sidang kemuncak itu.

Hashimoto, yang turut melawat Brunei, Indonesia dan Vietnam sebelum ke Singapura, dilaporkan berkata dialog di peringkat tertinggi antara Jepun dan Asean harus ditingkatkan lagi bagi membina kekuatan hubungan saling mempercayai antara para pemimpin.

Abdullah berkata walaupun Jepun dan Asean telah mengadakan dialog di peringkat menteri sebelum ini "tetapi cadangan Hashimoto itu melibatkan peringkat ketua-ketua negara dengan agenda yang tertentu yang perlu dipertimbangkan."

Ketika ditanya sama ada cadangan Hashimoto itu menunjukkan bahawa Jepun menerima cadangan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Abdullah berkata dialog antara Asean serta China, Jepun dan Korea Selatan telah wujud dalam bentuk formula 'Tujuh campur Tiga' antara Menteri-menteri Luar negara-negara berkenaan sejak tiga tahun lepas.

"Pengalaman kami dalam dialog ini adalah pengalaman yang baik kerana segala perbincangan memanfaatkan dan tidak berupa permusuhan atau memusuhi mana-mana pihak," kata beliau. - Bernama

(END)